



**TEKS UCAPAN  
YANG BERHORMAT MENTERI  
PEMBANGUNAN WANITA KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**SEMPENA MAJLIS PENUTUPAN BENGKEL  
"HAND HOLDERS : AN AWARENESS FOR CHILD CARE PROVIDERS"  
PADA 3 OGOS 2015 BERTEMPAT DI DEWAN NUR, KPWKM  
ANJURAN BERSAMA JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT  
DAN  
JABATAN KECEMASAN DAN TRAUMA,  
HOSPITAL PUTRAJAYA 2015**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi taala Wabarakatuh

Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia,

<SALUTASI>

Terlebih dahulu saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Jabatan Kecemasan dan Trauma Hospital Putrajaya kerana sudi menjemput saya untuk menyempurnakan majlis penutupan " Bengkel The Hand Holders – An Awareness For Child Care Providers".

Saya juga difahamkan program pada hari ini adalah sebahagian daripada khidmat komuniti yang diberikan sempena Minggu Bersama Jabatan kecemasan dan Trauma 2015 yang bermula hari ini hingga 6 Ogos 2015.

Hadirin yang dihormati sekalian,

1. Hasrat saya agar program ini dapat dijalankan telah pun disahut oleh pihak Hospital Putrajaya dan saya difahamkan program ini adalah merupakan program julung-julung kali diadakan anjuran bersama Hospital Putrajaya dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi memberikan pendedahan amali CPR kepada pengasuh-pengasuh. Amali dan latihan CPR ini sangat penting kerana senario hari ini kes kematian kanak-kanak tersedak susu dan mengejut berlaku di TASKA atau rumah pengasuh amat membimbangkan kita semua. Dengan adanya program ini sedikit sebanyak dapat memberi pendedahan awal kepada pengasuh-pengasuh dan secara tidak langsung pencegahan awal dapat diatasi.
2. Statistik yang dilaporkan kematian kanak-kanak kerana tersedak susu dan mengejut amat membimbangkan kita semua kerana statistik menunjukkan pada Tahun 2012 terdapat 4 kes tetapi telah meningkat pada Tahun 2013 iaitu seramai 7 kes dan terus meningkat seramai 17 kes pada Tahun 2014. Walau bagaimanapun

pada Tahun 2015 laporan yang diterima ialah seramai 4 orang kanak-kanak iaitu kerana tersedak susu, masalah pernafasan dan demam.

3. Kita berasa bersyukur kerana Malaysia mencapai kemajuan yang mengagumkan dalam kelangsungan hidup kanak-kanak berbanding negara-negara perindustrian lain. Malaysia mencatatkan kadar kematian bayi di bawah umur 5 tahun masing-masing sebanyak 6.8 dan 8.5 kematian bagi setiap 1000 kelahiran pada tahun 2010. Anggaran semasa juga menunjukkan kadar tersebut kekal ditahap yang rendah.

4. Walaupun peratusan tersebut di tahap yang rendah, bilangan kes yang masih berlaku tidak seharusnya membuatkan kita untuk duduk selesa. Kanak-kanak merupakan generasi hari ini yang perlu dijaga dengan teliti kerana mereka merupakan barisan yang akan mencorakkan masa hadapan negara. Membesarkan anak-anak ini, memerlukan sokongan yang mantap dan jitu dari pelbagai pihak, walaupun galas sebenar adalah ibu bapa sendiri. Dengan gaya dan corak kehidupan masa kini, hampir separuh daripada acuan adalah tempiasan dari pelajaran yang sebenar diterima daripada persekitaran.

Hadirin yang dihormati sekalian,

5. Kita sedar, dan pihak kementerian sendiri sangat maklum permasalahan ini adalah satu fenomena biasa yang dihadapi oleh ibu bapa sekarang. Tugas dan peranan membentuk generasi akan datang yang sihat fizikal dan mental, ini perlu digalas bersama dan melibatkan pelbagai agensi dan individu.

6. Pelbagai undang-undang telah digubal dengan matlamat melindungi dan menjaga kebajikan kanak-kanak. Antaranya Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984, Akta Keganasan Rumah Tangga 1994, Akta Kanak-kanak 2001 serta Akta Antiperdagangan Orang 2007. Walau bagaimanapun dengan pelbagai akta dan peraturan yang telah sedia ada ianya tidak cukup sekiranya tidak disertakan dengan informasi dan seterusnya implementasi yang betul.

Hadirin yang dihormati,

7. Aktiviti ini merupakan salah satu cara yang sangat bagus dan berkesan kerana informasi disampaikan secara terus. Walaupun ianya mungkin menyumbang kepada penurunan peratus kadar kematian yang mungkin sedikit, tetapi ia adalah ilmu pengetahuan dan informasi yang sangat berguna kepada semua yang bergelar ibu bapa dan penjaga kepada anak-anak comel.

8. Hasrat pihak hospital khususnya pihak jabatan kecemasan dan trauma dalam penganjuran aktiviti ini adalah sangat dialu-alukan. Sebagai salah satu skop perkhidmatan kepada Jabatan Kecemasan dan Trauma, saya diberitahu, perkhidmatan pra hospital adalah sangat penting dalam memastikan rawatan awal kecemasan perubatan dapat diberikan dan seterusnya 'chain of survival' dapat diteruskan. Informasi yang jelas kepada masyarakat berkaitan kepentingan mendapatkan bantuan yang betul dengan segera turut ditekankan disini. Melalui panggilan 999 si pemanggil akan turut diajar untuk memberikan bantuan awal sebelum pasukan ambulan tiba.

9. Melalui bengkel ini juga, pengasuh akan turut diajar melakukan 'risk analysis' apa kemungkinan yang boleh berlaku di persekitaran anak-anak ini dan cara mengenal pasti kes-kes yang memerlukan bantuan awal bagi mengelakkan ianya menjadi lebih teruk. Bengkel ini juga adalah sangat berguna kepada ibu bapa kerana sedikit sebanyak ia mendedahkan mereka cara untuk mengenal pasti bahawa anak mereka tidak sihat dan memerlukan perhatian daripada anggota kesihatan dengan segera.

10. Saya juga diberitahu, bengkel ini turut menekankan kepentingan CPR serta cara-cara yang betul untuk melakukan. Bantuan awal kecemasan ini adalah sangat penting kerana otak akan mula tidak berfungsi jika pesakit dibiarkan tanpa rawatan CPR selama 4 hingga 6 minit dan setiap minit tanpa CPR akan mengurangkan peluang mangsa kepada 10 peratus untuk hidup. Aplikasi ini turut melibatkan pesakit kanak-kanak dan satu yang anda semua tahu, daya juang mereka untuk hidup adalah sangat tinggi. Dengan pendedahan ini, diharapkan para peserta menjadi berani dan proaktif sekiranya berlaku kecemasan.

Hadirin dan hadirat sekalian,

11. Saya berharap bengkel ini akan dibuat secara berkala dan lebih ramai lagi yang boleh menyertainya. Diharapkan juga dengan penganjuran yang lebih kerap, ia dapat mengekalkan momentum yang berterusan kepada mereka yang menjadi orang paling dekat pada anak-anak ini. Sekali lagi saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua urusetia yang terlibat khususnya daripada Jabatan Kecemasan dan Trauma, Hospital Putrajaya serta kakitangan Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat terutamanya Jabatan Kebajikan Masyarakat Putrajaya.

Saya dengan ini, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, menutup bengkel "Hand holders : An Awareness To Child Care Providers" sempena Minggu Jabatan Kecemasan dan Trauma 2015.